

10 OCT 2001

OIC-Qatar

EMIR QATAR MAHU PBB MENGADAKAN PERSIDANGAN BINCANG ISU KEGANASAN

Oleh: Ahmad Fuad Yahaya

DOHA, 10 Okt (Bernama) -- Emir Qatar Shaikh Hamad bin Khalifa Al-Thani berkata Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) wajar mengadakan persidangan antarabangsa bagi merangka persidangan antarabangsa bagi membanteras keganasan yang mengikat semua negara.

Katanya badan dunia itu mesti menjalankan sepenuh tanggungjawabnya untuk mengkanunkan peruntukan persidangan itu, menguatkuasakan pelaksanaan, menetapkan hukuman pelanggaran peruntukan supaya usaha membanteras penganas antarabangsa dilakukan mengikut payung PBB berdasarkan kriteria yang telah diputuskan.

Ketika bercakap pada sesi khas menteri-menteri luar 57 anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini hari ini, Shaikh Hamad juga menekankan mengenai perlunya penjelasan mengenai istilah penganas dan perbezaannya dengan perjuangan rakyat menentang pendudukan asing dan hak mereka untuk mempertahankan kebebasan dan menentukan nasib diri.

Berdasarkan perkara ini, rakyat Palestin yang perjuangan untuk membebaskan negara mereka daripada pendudukan asing adalah sebagai menunaikan hak mereka untuk menentang pendudukan yang berlaku di negara itu yang telah menjadikan mereka tidak berumah selain menangkap dan membunuh tokoh politik bagi menyekat kebebasan penduduk, katanya.

Pandangan Emir itu selari dengan gesaan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan PBB menganjurkan persidangan antarabangsa mengenai keganasan bagi mencari jalan penyelesaian kepada masalah itu, rentetan daripada tragedi di Amerika Syarikat pada 11 Sept.

Shaikh Hamad yang mempengerusikan sesi khas itu berharap peristiwa di Amerika Syarikat tidak mengalihkan perhatian antarabangsa daripada masalah di Palestin.

Katanya masyarakat antarabangsa tidak harus membiarkan kejadian di Amerika Syarikat mengalihkan perhatian, peranan dan tanggungjawab mereka daripada keganasan oleh rejim Israel terhadap penduduk Palestin.

Keadaan yang bertambah buruk di wilayah itu dan usaha bagi mengeksploitasi keadaan di situ akan mengancam keselamatan dan kestabilannya, katanya.

Shaikh Hamad berkata kekejaman yang dilakukan terhadap penduduk Palestin adalah amalan keganasan yang dirancang oleh rejim Israel terhadap penduduk yang tidak bersenjata yang tidak mempunyai pilihan lain untuk mempertahankan hak, melindungi tempat suci dan menentang tekanan dan pembunuhan ke atas mereka.

"Saya mesti menyatakan di sini bahawa ada suara-suara daripada negara Islam yang menyatakan bahawa keganasan itu dilakukan oleh pertubuhan penganas dan keganasan menyemarakkan lagi keganasan."

Cara terbaik untuk memecah kitaran ini ialah dengan memberikan hak kepada rakyat Palestin untuk menubuhkan negara sendiri di tanah air mereka sendiri dengan Al-Quds Al-Sharif sebagai ibu negeri, katanya.

Shaikh Hamad menggesa masyarakat antarabangsa, terutama Amerika Syarikat dan Rusia untuk melaksanakan tanggungjawab dan menyediakan perlindungan antarabangsa yang diperlukan untuk rakyat Palestin untuk berhadapan dengan senjata perang Israel sebagai langkah awal bagi memulihkan proses keamanan berdasarkan resolusi antarabangsa dan prinsip tanah untuk keamanan.

"Saya ingin menyuarakan rasa puas hati saya terhadap kenyataan Presiden George Bush semasa beliau bercakap mengenai penubuhan negara Palestin

sebagai sebahagian daripada strategi Amerika bagi menyelesaikan konflik di wilayah itu, katanya.

Mengenai tindakan ketenteraan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Afghanistan mulai Ahad rentetan daripada peristiwa serangan ke atas New York dan Washington bulan lepas, Shaikh Hamad menyokong tindakan itu namun merasakan ia tidak sepatutnya menjejaskan orang awam yang tidak bersalah.

Tindakan ketenteraan sepatutnya dikhususkan terhadap pengganas, selepas mendapat bukti sah, supaya masyarakat antarabangsa dapat membuat keputusan sendiri mengenainya.

Shaikh Hamad juga menggesa sesi khas OIC itu menubuhkan tabung bagi membantu rakyat Afghanistan.

Beliau turut mengumumkan sumbangan Qatar sebanyak US\$10 juta untuk tabung itu.

-- BERNAMA

AFY HK RM LAT